

Saksi percaya Najib mengetahui apa berlaku dalam akaunnya

Bekas pegawai Ambank yakin berdasarkan tindakan bekas PM keluarkan cek, guna kad kredit

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Bekas pegawai Ambank yang menguruskan lima akaun peribadi Datuk Seri Najib Razak, percaya bekas Perdana Menteri itu mengetahui dan dimaklumkan mengenai apa yang berlaku dalam akaunnya.

Saksi ke-41 pendakwaan, Joanna Yu Ging Ping yang ketika itu bertugas sebagai Pengurus Perhubungan Ambank, memberitahu Mahkamah Tinggi di sini sema-

lam, Najib mengetahui transaksi dalam akaun berdasarkan tindakannya mengeluarkan cek dan menggunakan kad kredit.

Bagaimanapun, peguam bela utama Najib, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang ketika itu menyoal balas Ging Ping mencelah dengan menyatakan Najib berbuat demikian

kerana menganggap wang yang dimasukkan ke dalam akaun peribadinya itu adalah derma dari Arab Saudi.

Muhammad Shafee kemudian mempersoalkan adakah dengan menggunakan kad kredit dan mengeluarkan cek, anak guamnya mengetahui apa yang berlaku ke atas akaun berkenaan.

Ging Ping menjawab, ia menjadi tugas ahli perniagaan dalam buroan Low Taek Jho atau Jho Low untuk memaklumkan perkara berkenaan kepada Najib.



Joanna Yu Ging Ping

Dalam perbicaraan sebelum ini, Ging Ping memberitahu mahkamah, setiap tindakannya berhubung transaksi wang keluar masuk dalam akaun Najib adalah atas arahan Jho Low.

Bagaimanapun, pembelaan menyatakan saksi dan ahli perniagaan itu bersekolong untuk menyalahgunakan akaun berkenaan.

Muhammad Shafee kemudian mencadangkan Najib sebenarnya tidak mengetahui apa yang berlaku dalam akaunnya berdasarkan pernah mengeluarkan cek melebihi baki dalam akaun.

Selepas disoal beberapa kali oleh peguam bela, saksi bersetuju Najib mungkin tidak mengetahui keadaan akaun banknya jika tidak dimaklumkan oleh Jho Low mengenai transaksi yang berlaku.

Ging Ping memberi keterangan terhadap Najib, 70, yang

menghadapi empat pertuduhan menggunakan kedudukannya mendapatkan suapan berjumlah RM2.3 bilion daripada dana 1MDB dan 21 pertuduhan perubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Sementara itu, Ging Ping menyatakan tidak pernah terlintas padanya seseorang akan menggunakan akaun Najib yang diklasifikasikan sebagai individu terdedah secara politik bagi melindungi identiti oleh bank untuk melakukan aktiviti perubahan wang haram.

Saksi ketika itu disoal mengenai tindakan Jho Low yang menggunakan nama kod berbeza untuk merujuk kepada wang yang masuk dalam akaun berkenaan seperti 'American Pie' dan 'Satay'.

Peguam menegaskan Ambank sepatutnya dimaklumkan mengenai tindakan itu yang menepati ciri-ciri aktiviti perubahan wang haram.

Muhammad Shafee: Kamu percaya kepada Jho Low sepenuhnya?

Ging Ping: Ya

Muhammad Shafee: Tidak pernah terlintas di fikiran kamu bahawa transaksi itu berkaitan perubahan wang haram?

Ging Ping: Saya tidak fikir seseorang akan menggunakan akaun perdana menteri untuk melakukan perubahan wang haram, malah akaun itu diketahui Bank Negara Malaysia dan pihak atasan bank.

Terdahulu, saksi itu mengakui tidak berhubung dengan Najib dalam menguruskan akaun terbabit, sebaliknya hanya menerima arahan Jho Low kerana ahli perniagaan itu yang memaklumkan kepada pihak bank mengenai pembukaan akaun berkenaan.

Perbicaraan berlangsung di hadapan Hakim Datuk Collin Sequeira.